



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MENGUTAMAKAN KESIHATAN RAKYAT"

13 Januari 2023 / 20 Jamadil Akhir 1444

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَ عَلَى الَّذِينَ كُلَّهُ وَكَفَىٰ بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّين. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أُوْصِينُكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: "**MENGUTAMAKAN KESIHATAN RAKYAT**"

Firman Allah SWT, ayat 80 surah As-Syu'ara:

﴿وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِي مِنِّي﴾

Bermaksud: "Dan apabila aku sakit, Dialah yang menyembuhkan penyakit ku"

### Muslimin Mukminin yang dimuliakan,

Dengan penentuan Ilahi seluruh dunia dilanda serangan virus COVID-19 yang dikesan menjelma pada akhir tahun 2019 di Wuhan China. Lebih 185 negara sesak nafas, mengekang jangkitan virus Covid-19. Manusia dikepung pandemik dahsyat dan diasak ke pertempuran rumit menghadapi musuh yang tidak dapat dilihat dengan mata. Pandemik Covid-19 tercatat dalam sejarah sebagai malapetaka yang amat pahit dan memberi kesan besar kepada dunia. Pandemik COVID-19, bukan sahaja menjejas prestasi ekonomi dunia, kehidupan insan, pengurusan kesihatan, dan bekalan makanan, malah meninggalkan trauma yang turut menjentik emosi ramai pihak.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Pelancong hilang destinasi, perantau hilang tuju, pengembara hilang sempadan, kapal merapat ke pelabuhan, pesawat terdampar di hangar, kereta api tersadai di stesen, bunga terasa kehilangan embun pagi, dilonggokkan layu, sayuran dipulangkan ke bumi, dan susu dicurahkan ke ladang; lebih menghibakan berjuta orang warga dunia kehilangan nyawa.

Kita turut mengalami peristiwa hitam yang mahu kita lupakan. Banyak pengalaman pahit yang kita alami. Masjid, surau dan rumah ibadat terpaksa ditutup, begitu juga pejabat, universiti, maktab, sekolah, termasuk gudang dan gedung perniagaan. Ramai yang menanggung derita, jatuh muflis, kehilangan kerja, terputus pendapatan, perniagaan ditutup, persekolahan anak-anak turut kelam kabut, kelas dalam talian menyebabkan ramai murid yang tercicir sementara guru menghadapi tekanan, dan tidak kurang pula yang kehilangan orang tersayang. Ada di antara kita yang dijangkiti virus Covid-19, dan ada yang dijangkiti lebih daripada sekali.

Pandemik Covid-19 yang melanda, hampir melumpuhkan sistem kesihatan di negara kita, kerana menghadapi kesulitan untuk mengurus kes jangkitan yang begitu banyak, berbanding kemudahan, peralatan dan tenaga sedia ada yang terhad. Beban tanggungjawab yang dihadapi oleh para petugas perubatan dan kesihatan barisan hadapan, sampai ke peringkat menyebabkan sebahagian mereka mencecah tahap lesu upaya.

Alhamdulillah berkat kesabaran dan ketabahan, kita berjaya menghadapi ujian Ilahi. Dengan rahmat Ilahi, pandemik Covid-19 berjaya ditangani. Kita kini sedang melalui fasa pemulihan, bukan sahaja pemulihan ekonomi, tetapi pemulihan semangat dan pemulihan harapan kerana dapat melalui kehidupan seperti biasa. Ekonomi negara semakin dan semoga terus dipulihkan, semoga disusuli kewujudan peluang pekerjaan dan perniagaan yang baharu.

### **Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi,**

Sejak seminggu yang lalu, pelbagai pihak menyuarakan kebimbangan baharu terhadap perkembangan terkini wabak Covid-19, susulan kelonggaran sekatan perjalanan pelawat dari negara China. Heboh diperkatakan kekhawatiran yang boleh menjadi punca tercetusnya penyebaran baharu. Memahami kebimbangan rakyat, pihak-pihak berkuasa kerajaan sedang memantau secara rapi dan melaksanakan langkah-langkah kawalan untuk membendung penularan virus.



Kesihatan rakyat wajib diutamakan. Segala amalan kesihatan yang baik perlu dipatuhi; dan setiap nasihat kesihatan perlu diikuti untuk memastikan wabak dan penyebaran virus Covid-19 tidak kembali merebak. Di samping langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan, rakyat juga wajib berwaspada dan mengambil segala langkah demi memastikan peristiwa pahit yang kita alami semasa Perintah Kawalan Pergerakan tidak akan berulang. Rasulullah SAW bersabda;

*فِرَّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفَرَّ مِنَ الْأَسَدِ*

Bermaksud: Larilah daripada penyakit berjangkit sepetimana kamu lari daripada singa.

(Hadis Riwayat Bukhari)

Mimbar memperingatkan perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Pepatah Melayu menyebut, "Pelanduk melupakan jerat tetapi jerat tidak melupakan pelanduk". Virus Covid-19 masih berlegar dalam kehidupan harian kita dan terus hinggap dari mangsa ke mangsa; malah daripada masa ke semasa menjelma varian baharu, dalam bahasa mudahnya, virus Covid-19 senantiasa berusaha menukar bentuk atau sifatnya untuk terus melawan ikhtiar manusia yang mahu menghapuskannya. Oleh itu manusia perlu peka dengan kewujudan virus Covid-19 yang masih menular dan jangan terlalu cepat bersifat alpa atau lupa hingga berperangai cuai dan lalai.

**Kedua:** Terus mematuhi prosedur operasi standard (atau SOP), ia-itu peraturan-peraturan yang dinasihati oleh Kementerian Kesihatan untuk melindungi diri daripada jangkitan, seperti mengelakkan diri terdedah di tempat-tempat perhimpunan yang ramai, berhimpit dan sempit; terutama dalam kalangan warga emas dan dalam kalangan yang menghidap penyakit kronik seperti pesakit jantung, darah tinggi, buah pinggang, lelah dan kencing manis, begitu juga kanak-kanak.

**Ketiga:** Mendapatkan nasihat pegawai perubatan untuk mengambil suntikan dos penggalak.

**Keempat:** Mengamalkan memakai pelitup muka ketika berada di tempat yang ramai, sempit dan terhimpit serta ketika berada dalam pengangkutan awam



**Kelima:** Tidak digalakkan bersalaman dengan terlalu banyak tangan; dan hendaklah membilas tangan dengan *sanitizer*, iaitu cecair pembersih tangan yang digunakan untuk mengurangkan agen jangkitan, ataupun segera membasuh tangan dengan sabun selepas bersalam-salaman.

**Keenam:** Menukar pakaian dan mandi sebaik sampai ke rumah sebelum menyentuh ahli keluarga terutama anak kecil dan bayi.

**Ketujuh:** Ahli-ahli Jawatankuasa masjid dan surau hendaklah melakukan langkah-langkah pencegahan dengan memastikan senantiasa berlakunya kitaran udara bersih dalam ruang solat dengan membuka tingkap dan pintu untuk seketika, terutama selepas solat Jumaat; memastikan aliran air yang bersih untuk berwuduk, serta senantiasa mengamalkan langkah-langkah kebersihan lain. Ahli-ahli kariah pula hendaklah diberikan peringatan dan nasihat secara berkala.

Sama-sama kita menghayati sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA:

لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتِينِ

Bermaksud: Seorang mukmin tidak dipatuk dua kali pada lubang yang sama.

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis ini memberi peringatan agar kita terus berhati-hati untuk memastikan kita dilindungi dan dijauhi Ilahi daripada terpaksa sekali lagi melalui hidup yang terkurung dan tersekat kerana Perintah Kawalan Pergerakan.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُوَافِي نِعْمَةٍ وَيُكَافِئُ مَزِيدَه. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَلَّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا<sup>7</sup>

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّهِمْ عَلَى مِلَةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ</sup>.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Jauhi kami dan lindungi kami daripada dilanda dan dijangkiti penyakit-penyakit yang berbahaya yang memudaratkan kehidupan ummah.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ**

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.